

Pelbagai pihak desak PBT wujudkan zon larangan membawa anjing

Kosmo - 8/9/15 cmj/32)

KUALA LUMPUR - Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) agar menguatkuasakan peraturan zon larangan membawa binatang peliharaan terutamanya anjing di tempat awam tertentu di negara ini.

Setiausaha Agungnya, Datuk Dr. Ma'amor Osman (**gambar**) berkata, saranan itu dibuat bukan sahaja untuk memastikan kebersihan, malah keselamatan orang ra-

mai di tempat awam seperti pusat beli-belah, pasar raya, kedai makan dan tempat permainan kanak-kanak.

"PBT perlu segera mengeluarkan larangan membawa binatang peliharaan di tempat awam kerana ini membabitkan isu kebersihan dan keselamatan orang ramai.

"Sebagai contoh, anjing yang dibawa ke taman akan



menyentuh, membuang najis dan menjilat peralatan permainan kanak-kanak. Keadaan ini adalah sensitif kepada umat Islam," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof. Dr. Fatimah Daud berkata,

garis panduan yang jelas mengenai larangan membawa haiwan peliharaan terutama anjing ke premis awam termasuk taman rekreasi perlu diwujudkan pihak berkuasa.

Beliau berpendapat PBT wajar memperkenalkan zon yang dibenarkan membawa anjing demi menjaga keharmonian pelbagai etnik di negara ini selain meletak papan tanda larangan selaras di kawasan-kawasan yang dikenal pasti.